

ANALISIS PEMUPUKAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KALANGAN MURID PRASEKOLAH PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

Analysis of Thinking Skills Development for Special Needs Preschool Students with Learning Disability

Hashimah Hussein¹, Suppiah Nachiappan², Md Nasir Masran³, Syaza Syafeeqah Mohammad Khasnan⁴

^{1,2,3,4}Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

hashimah.h@fpm.upsi.edu.my¹, suppiah@fpm.upsi.edu.my², m.nasir@fpm.upsi.edu.my³, syazasyafeeqah92@gmail.com⁴

Received: 27 Ogos 2020; Accepted: 19 Oktober 2020; Published: 18 November 2020

To cite this article (APA): Hussein, H., Nachiappan, S., Masran, M. N., & Mohammad Khasnan, S. S. (2020). Analisis pemupukan kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah pendidikan khas masalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(2), 34-47. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.2.4.2020>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.2.4.2020>

ABSTRAK

Mulai tahun 2015, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) mensasarkan semua murid prasekolah daripada pelbagai peringkat akan berupaya mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai ke dalam kehidupan mereka melalui kemahiran penaakulan. Ini menunjukkan murid prasekolah yang bermasalah pembelajaran juga tidak terkecuali untuk menjayakan pelan tersebut. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti aktiviti-aktiviti pengajaran yang dipraktikkan oleh guru prasekolah pendidikan khas untuk memupuk kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (PKMP). Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang dilaksanakan kepada empat orang partisipan yang terlibat secara langsung dengan prasekolah PKMP. Data kajian dikutip melalui temu bual dan pemerhatian pengajaran di dalam bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti pengajaran yang dilaksanakan oleh partisipan adalah aktiviti latihan tubi yang lebih bersesuaian untuk pemupukan kemahiran berfikir aras rendah sahaja. Oleh itu, pengkaji berpendapat pembinaan bahan sumber bantuan pengajaran seperti modul perlu diberi keutamaan untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan guru menerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah PKMP.

Kata kunci: kemahiran berfikir, aktiviti pengajaran, prasekolah pendidikan khas masalah pembelajaran

ABSTRACT

Starting from 2015, the Malaysian Education Development Plan (PPPM) stated that all pre-schoolers from various levels able to apply their knowledge, skills and values in making reasoning and reflection. This indicates that pre-schoolers with learning disabilities is no exception from the success of the plan. The purpose of this study is to identify the teaching activities practiced by special education preschool teachers to foster thinking skills among the students of Special Education Learning Disabilities (PKMP). This study is a qualitative study conducted on four participants who are directly involved with Special Education preschool that focus on Learning Disabilities. Study data were collected through interviews and teaching observations in



the classroom. The findings of the study show that the teaching activities implemented by the participants are drill activities that are more suitable for nurturing low-level thinking skills. Therefore, it should be given priority to produce teaching aids such as modules to improve the ability and capability of teachers to apply thinking skills among preschool students PKMP.

Keywords: *thinking skill, teaching activities, preschool of special education in learning*

PENGENALAN

Kemahiran berfikir adalah kebolehan atau kemampuan untuk berfikir, berimajinasi serta menggabungkan idea lama dengan idea baru untuk digunakan dengan lebih bermakna dalam kehidupan kini. Secara umumnya kemahiran berfikir dikategorikan kepada kemahiran berfikir aras rendah dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kemahiran berfikir aras rendah lebih berfokus kepada kebolehan murid untuk mengingat semula dan menghafal fakta atau maklumat. Oleh itu, kemahiran berfikir aras ini tidak memerlukan pemikiran yang luas dan mendalam. Manakala, KBAT pula memerlukan murid membina pemikiran yang luas dan mendalam melalui kebolehan membuat analisis, menilai, menjanakan idea dan merancang.

Kemahiran berfikir telah banyak dibincangkan dan diberikan interpretasi yang berbeza. Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM] (2017) menjelaskan kemahiran berfikir adalah kebolehan murid menggunakan minda untuk menjana serta melahirkan idea-idea yang bernas, seterusnya mampu membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Menurut Chew dan Shashipriya (2016) pula, kemahiran berfikir adalah aktiviti penyelesaian masalah dan menyelesaikan soalan aras tinggi yang diaplikasi di dalam pengajaran untuk memberi kemahiran kepada murid berfikir secara kritis dan menghasilkan idea-idea baharu.

Kemahiran berfikir untuk murid prasekolah pula diuraikan oleh Suppiah *et al.* (2019) sebagai proses yang memerlukan kanak-kanak untuk belajar berfikir secara intelek dengan pemikiran yang meluas dan mendalam. Proses ini penting bagi murid peringkat prasekolah kerana mereka meneroka, mencari makna dan menimba pengalaman berbeza berdasarkan isu yang telah dipelajari atau keputusan yang dibuat.

Kemahiran berfikir yang menjadi keperluan dan trend pendidikan masa kini diperlukan oleh setiap murid untuk membolehkan mereka bersaing pada peringkat global (KPM, 2017). Sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini sedang berusaha ke arah melahirkan generasi yang berkeupayaan berfikir secara kreatif dan kritis mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui pendidikan ke dalam kehidupan mereka. Ini adalah antara cabaran yang dihadapi oleh sistem pendidikan abad ke-21 iaitu melahirkan insan yang mempunyai perkembangan diri yang seimbang, berdaya tahan dan berprinsip serta mempunyai kemahiran berfikir dan menaakul aras tinggi.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah menetapkan enam aspirasi iaitu pengetahuan, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti nasional dan kemahiran berfikir yang perlu diterapkan dalam sistem pendidikan Malaysia masakini. Melalui aspirasi ini diharapkan generasi muda Malaysia tanpa mengira tahap dan kebolehan pendidikan, akan mampu untuk berdaya saing serta berkeupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman secara lebih praktikal dalam kehidupan global.

Bermula pada tahun 2015, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) mulai memfokuskan semua murid prasekolah daripada pelbagai peringkat keupayaan diberi



pendedahan dan pengalaman untuk belajar mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai serta membuat penaaakulan dan refleksi. Hal ini menunjukkan pemupukan kemahiran berfikir dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk murid-murid di prasekolah Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (PKMP) juga tidak terkecuali. Aspirasi ini diberi penekanan dalam penggubalan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Pendidikan Khas: Pendidikan Prasekolah Masalah Pembelajaran Semakan 2017, iaitu guru perlu menterjemah Standard Pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran dengan penekanan kepada KBAT yang bersesuaian dengan murid prasekolah PKMP (Bahagian Pendidikan Khas [BPK], 2016).

Latar Belakang Kajian

Berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (KPM, 2003), murid PKMP adalah terdiri daripada kategori *Sindrom down*, autisme ringan, perkembangan lambat, *cerebral palsy* (ringan) dan lain-lain masalah pembelajaran (ringan) yang telah disahkan oleh pegawai perubatan. Manisah dan Norizza (2016) pula menyatakan murid pendidikan khas masalah pembelajaran sebagai kanak-kanak yang berbeza dengan kanak-kanak normal kerana mereka berisiko dalam aspek memahami, mengingat serta menyimpan maklumat yang disebabkan kelemahan mereka untuk memberi tumpuan.

Perbezaan yang wujud pada diri murid prasekolah PKMP menyebabkan pengubahsuaian amalan pengajaran dan pembelajaran atau perkhidmatan pendidikan di sekolah perlu dilaksanakan bersesuaian dengan matlamat mengembangkan kemampuan unik mereka. Bagi murid prasekolah PKMP, proses pembelajaran mereka adalah unik dan berbeza. Masih terdapat murid prasekolah PKMP yang tidak dapat mengikuti proses pembelajaran disebabkan kelemahan daya tumpuan mereka untuk memberi fokus. Mereka sukar untuk mengenalpasti atau mengetahui maklumat penting daripada pelbagai rangsangan dan persekitaran (Agung, 2010). Kekurangan yang menjejaskan keupayaan mereka untuk belajar serta ketidak mampuan untuk mengikuti pembelajaran dalam kurikulum biasa.

Bagi KPM prinsip Pendemokrasian Pendidikan telah lama diamalkan di mana semua murid diberi hak kesamarataan mendapat akses kepada pendidikan iaitu belajar dan bermain dalam persekitaran pembelajaran tanpa halangan, tanpa mengira latar belakang, status ekonomi dan kecacatan yang dialami. Rentetan daripada pelaksanaan prinsip tersebut, KPM telah mengambil langkah positif menyediakan kurikulum khas bagi membantu murid prasekolah PKMP mendapat peluang belajar berdasarkan kemampuan dan perkembangan mereka disamping nilai tambah dalam aspek intelek, rohani dan jasmani, emosi dan sosial, bakat dan estetika serta kemahiran berfikir.

Matlamat Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan: Pendidikan Khas (Pendidikan Prasekolah Masalah Pembelajaran) adalah menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran berfikir melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel untuk memenuhi keperluan murid ke arah kehidupan bermakna (KPM, 2017). Kurikulum ini dibina supaya pembelajaran yang diperolehi dalam bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian murid.

Namun begitu menurut Norsita dan Zainal (2014), pada peringkat mengaplikasi kemahiran berfikir dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kebanyakan guru masih lagi

mengabaikan proses pemupukan kemahiran berfikir walaupun mereka mempunyai tanggapan yang positif tentang kepentingan kemahiran berfikir. Hal ini disebabkan persepsi guru bahawa pemupukan kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah PKMP seharusnya bertumpu kepada proses berfikir menggunakan imaginasi semata-mata tanpa menitik beratkan proses membangunkan pemikiran tersebut. Jika proses memupuk kemahiran berfikir menggunakan imaginasi dilaksanakan seiring dengan membangunkan pemikiran tersebut terhadap murid prasekolah PKMP, mereka akan dapat dibimbing membina kemahiran berfikir.

Perubahan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan: Pendidikan Khas (Pendidikan Prasekolah Masalah Pembelajaran) memerlukan guru yang mahir mengambil kira keperluan murid prasekolah PKMP disamping menjalankan pengajaran yang dapat memenuhi standard kemahiran berfikir. Panduan dalam bentuk program instruksi perlu dibina untuk meningkatkan pengetahuan guru, disamping pembelajaran berpusatkan murid dapat disesuaikan oleh guru mengikut standard yang ingin dicapai. Oleh itu, guru memerlukan panduan yang bersesuaian supaya mereka dapat melaksanakan pengajaran yang fleksibel untuk pemupukan kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah PKMP.

Dalam hal ini, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan: Pendidikan Khas (Pendidikan Prasekolah Masalah Pembelajaran) tidak memperincikan cara proses pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran berfikir murid prasekolah PKMP. Sedangkan untuk pemupukan kemahiran berfikir dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, adalah penting pemilihan dan penggunaan pelbagai kemahiran belajar bersesuaian dengan kemampuan murid prasekolah PKMP.

Oleh itu, kajian analisis wajar dilakukan bagi mengenal pasti cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang perlu dibangunkan untuk modul kemahiran berfikir bagi murid prasekolah PKMP. Maka, melalui kurikulum PKMP yang bersifat fleksibel serta modul kemahiran berfikir yang sesuai, membolehkan guru merancang dan menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mantap bagi mencapai matlamat pemupukan kemahiran berfikir murid prasekolah PKMP.

Objektif Kajian

Kajian ini untuk mengetahui aktiviti yang dipraktikkan oleh guru prasekolah PKMP untuk memupuk kemahiran berfikir dalam kalangan murid-murid prasekolah PKMP.

Berdasarkan objektif kajian, penyelidikan ini juga dilakukan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah aktiviti-aktiviti pengajaran yang dilaksanakan untuk memupuk kemahiran berfikir murid-murid prasekolah PKMP?
- ii. Daripada aktiviti-aktiviti pengajaran yang telah dilaksanakan, apakah aktiviti pengajaran yang paling sesuai untuk memupuk kemahiran berfikir murid prasekolah PKMP?

Sorotan Kajian

Pendidikan Khas adalah pendidikan yang disediakan untuk murid berkeperluan pendidikan khas pada tiga opsyen (*setting*) persekolahan, iaitu; (i) sekolah pendidikan khas; (ii) sekolah arus perdana yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi; dan (iii) sekolah arus perdana yang melaksanakan Program Pendidikan Inklusif. Pendidikan khas dilaksanakan pada peringkat pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah atau pendidikan lepas menengah (KPM, 2017).

Berdasarkan Kementerian Pelajaran Malaysia (2004), murid PKMP adalah murid yang mempunyai keupayaan mental dan pengubahsuaian tingkah laku yang rendah. Keupayaan mental dan tingkah laku yang rendah dikenalpasti berdasarkan tahap kebolehan murid PKMP dalam menguasai kemahiran-kemahiran seperti kebolehan kognitif, kemahiran berbahasa, kemahiran membaca, kemahiran matematik, tingkah laku sosial, perkembangan mental serta kemahiran mengurus diri.

Pelbagai masalah dihadapi oleh murid dalam kategori bermasalah pembelajaran. Secara umumnya mereka mengalami kelewatan perkembangan pemikiran, ingatan, daya tumpuan, koordinasi, komunikasi, membaca, menulis, mengeja dan mengira serta kemahiran sosial dan kematangan emosi. Tambah Schreiber (2015) pula, kebanyakan murid bermasalah pelajaran juga menghadapi masalah kemahiran sosial iaitu untuk membina hubungan serta memahami emosi rakan sebaya. Masalah penguasaan kemahiran sosial dan emosi ini memberikan kesan secara langsung terhadap pencapaian akademik murid-murid ini.

Berdasarkan Cavioni *et. al.* (2017), murid bermasalah pembelajaran bukan sahaja menghadapi masalah sosial dan emosi seperti yang dinyatakan oleh Schreiber, malah murid bermasalah pembelajaran turut mempunyai masalah daripada segi tingkah laku. Maka intervensi daripada aspek kemahiran sosial dan emosi diperlukan. Antara cadangan aktiviti yang perlu difokuskan kepada murid-murid ini ialah kemahiran berkomunikasi seperti cara berbual, bertanya soalan dan kemahiran mendengar serta kemahiran sosial dan emosi seperti pengurusan emosi dan sikap bekerjasama.

Noor Aini dan Nur Liyana (2015) pula menyatakan murid bermasalah pembelajaran adalah seperti sindrom down, autisme, terencat akal dan hiperaktif. Manakala murid yang mengidap disleksia pula dikategorikan sebagai murid kurang upaya. Mereka ini memerlukan bantuan dan bimbingan daripada guru yang berpengetahuan serta berkemahiran untuk meningkatkan pencapaian akademik serta pembentukan tingkah laku dan keyakinan diri yang positif (Noor Aini & Norhafizah, 2015).

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996: Peraturan pendidikan (Pendidikan Khas) (KPM, 1996), murid pendidikan khas yang mampu mengurus diri tanpa kebergantungan kepada orang lain serta disahkan oleh panel yang dilantik perlu diberi pendidikan. Untuk menyediakan pendidikan bagi murid berkeperluan khas, perlu ada guru yang berkeelayakan dan berpengetahuan (Cochran *et al.*, 2014). Pengetahuan guru adalah penting bagi tujuan menyampaikan isi kandungan bersesuaian dengan kemampuan murid berkeperluan khas. Pengetahuan dan kefahaman guru untuk mendidik merangkumi pengetahuan mengenai prinsip perkembangan murid bermasalah pembelajaran dalam proses pembelajaran serta penyediaan persekitaran dan pengalaman pembelajaran yang optimum.

KPM melalui Bahagian Pendidikan Khas menubuhkan prasekolah pendidikan khas yang berfungsi untuk memberikan pemahaman serta pengalaman pembelajaran yang

bermakna kepada murid prasekolah PKMP, disamping pelaksanaan aktiviti kemahiran berfikir yang relevan bagi membantu murid prasekolah PKMP memahami apa yang akan dan telah mereka pelajari. Beberapa kajian menunjukkan bahawa keupayaan murid berfikir secara kreatif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah akan memberikan hasil yang baik dalam peningkatan pemahaman dan pencapaian pembelajaran murid tersebut. Selain itu, ia juga menjadikan pembelajaran murid lebih bermakna dan relevan dengan kehidupan semasa mereka.

Berpandukan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan: Pendidikan Khas (Pendidikan Prasekolah Masalah Pembelajaran) semakan 2017, guru perlu melaksanakan pengajaran yang sesuai dengan kemampuan murid prasekolah PKMP melalui pengintegrasian pengetahuan, kemahiran, nilai dan kemahiran berfikir. Pengajaran guru untuk murid prasekolah PKMP seharusnya mengandungi aktiviti-aktiviti yang menyediakan peluang untuk mereka; mendapat pengalaman yang menyeronokkan, terlibat secara aktif, memperkembangkan konsep sendiri yang positif, mengembangkan daya kreatif dan estetika dan mengaplikasi pemikiran kritis, kreatif serta kemahiran menyelesaikan masalah dalam pembelajaran dan kehidupan seharian (BPK, 2016).

Murid prasekolah PKMP juga memerlukan peluang untuk memupuk serta mengembangkan kemahiran berfikir. Kunci bagi membantu mereka membina kemahiran berfikir adalah dengan mempraktikkan strategi, kaedah dan teknik yang sesuai serta kreatif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, guru memerlukan pendekatan dan teknik yang seiring dengan keunikan murid prasekolah PKMP untuk membantu menyediakan mereka menghadapi dunia realiti melalui sistem pendidikan formal (Kurdek & Sinclair, 2001; Brassard & Boehm, 2008), memahami cara mengurus tingkah laku demi membentuk murid PKMP yang mampu berfikir pada aras yang tinggi, menyelesaikan masalah secara berdikari dan menghargai keunikan individu (Noor Aini dan Norhafizah, 2015). Guru pendidikan khas juga perlu mempunyai tahap pengetahuan yang mencukupi serta kebijaksanaan untuk memupuk kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah PKMP teori kemahiran berfikir yang bersesuaian.

Wan Mat dan Norkhairiah (2011) berpendapat keberkesanan penerapan kemahiran berfikir dalam kalangan murid dipengaruhi oleh ilmu pengetahuan tentang kemahiran berfikir dan peranan guru. Pemilihan kaedah dan teknik pengajaran perlulah bersesuaian dengan kemahiran berfikir yang ingin dikembangkan. Guru juga perlu mahir dalam teknik penyzoalan dan alat-alat Kemahiran Berfikir yang akan digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Semua faktor ini jika dilaksanakan dengan baik akan memberi peluang yang cukup untuk merangsang penglibatan aktif murid.

Terdapat banyak program yang direka untuk membangunkan dan memupuk kemahiran berfikir dalam kalangan murid, antaranya adalah program oleh Lipman (1991) iaitu menggunakan cerita pendek untuk dibincangkan bersama murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan cerita pendek ini menggunakan empat langkah utama iaitu melibatkan penggunaan i) idea utama; ii) pengetahuan diri yang melibatkan sendiri; iii) kemahiran berfikir untuk membangunkan pemahaman; dan iv) tindak lanjut yang memerlukan pemindahan dan penerapan idea-idea kepada konteks lain. Melalui proses ini murid digalakkan dan dibimbing belajar berfikir sendiri, bukannya belajar dengan hafalan atau menerima input daripada guru semata-mata.

Craft (2005) pula mengenal pasti beberapa tindakan yang boleh dipraktikkan untuk merangsang kemahiran berfikir murid, iaitu; (i) memupuk motivasi dalam diri murid untuk



menjadi kreatif; (ii) penyediaan persekitaran yang memberi peluang kepada murid untuk meneroka berdasarkan imaginasi mereka; (iii) membantu murid mencari perkaitan kemahiran berfikir dengan aktiviti pembelajaran serta kehidupan seharian; (iv) menggalakkan serta menyokong tindakan murid menunjukkan keberanian melakukan sesuatu yang baru; dan (v) memberi masa kepada murid untuk menjana dan melahirkan idea.

Dalam diri setiap murid tanpa mengira tahap keupayaan, ada keinginan untuk mencipta. Keinginan ini akan dapat dipenuhi jika guru memainkan peranan utama memberi dorongan positif serta membuka peluang penerokaan secara spontan untuk murid PKMP melahirkan pelbagai idea yang bersesuaian dengan pengalaman dan kehidupan mereka.

Oleh yang demikian, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kemahiran berfikir, pembentukan tingkah laku positif, memberi keyakinan diri serta meningkatkan pencapaian akademik murid bermasalah pembelajaran. Guru sebagai agen perubahan perlu sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran, mempunyai motivasi yang tinggi serta mempunyai sikap yang positif bagi membantu murid bermasalah pembelajaran melalui proses pengubahsuaian tingkah laku secara berkesan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjawab persoalan kajian. Menurut Creswell (2005), terdapat penyelidik yang memilih pendekatan kualitatif disebabkan sifat persoalan kajian yang berbentuk penerokaan, memerlukan pandangan atau penjelasan terperinci daripada partisipan dan peranan pengkaji sebagai pencerita yang menghuraikan dapatan kajian daripada sudut pandangan partisipan, bukannya daripada sudut pandangan atau pendapat pakar yang menghakimi partisipan.

Dalam kajian ini, perkara yang dikaji ialah aktiviti pengajaran yang dilaksanakan oleh guru di prasekolah PKMP bagi memupuk kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah PKMP. Kaedah kajian ini adalah kajian lapangan menggunakan triangulasi data. Menurut Othman (2012), penggunaan triangulasi data melibatkan penggunaan pelbagai sumber atau cara yang berbeza untuk mendapatkan maklumat disamping untuk meningkatkan kebolehpercayaan kajian. Dalam kajian ini pengumpulan data secara triangulasi adalah melibatkan temu bual dan pemerhatian di dalam bilik darjah.

Bagi jumlah partisipan yang sesuai untuk terlibat dalam sesuatu kajian, Liamputtong, (2014) berpendapat penyelidikan yang dijalankan secara kualitatif sangat sesuai dengan bilangan partisipan yang sedikit. Bilangan antara tiga hingga lima partisipan untuk kajian kes, 10 partisipan untuk kajian fenomenologi dan 15 hingga 20 partisipan untuk kajian *grounded theory* adalah antara cadangan yang disarankan oleh Creswell (2007). Pernyataan mereka bertepatan dengan keperluan kajian ini kerana kajian ini hanya melibatkan empat orang partisipan untuk mengenalpasti aktiviti pengajaran yang dijalankan untuk memupuk kemahiran berfikir murid prasekolah PKMP.

Teknik pemilihan partisipan pula dilakukan secara bertujuan iaitu dengan memilih partisipan daripada kalangan kumpulan pegawai Perkhidmatan Pendidikan KPM. Partisipan kajian dipilih berdasarkan kriteria pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang melaksanakan



KSPK PKMP dan mempunyai kelayakan akademik pada peringkat ijazah dalam bidang pendidikan.

Prosedur Kajian

Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual dan pemerhatian terhadap partisipan. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual sebagai sumber utama manakala kaedah pemerhatian digunakan bagi menyokong dapatan kajian (Azila & Zamri, 2015; Norlidah, 2010). Kedua-dua kaedah ini digunakan dalam pengutipan data kajian supaya dapatan kajian dapat disemak dengan teliti, diperkukuh dengan bukti dan menjadi relevan dengan objektif kajian (Abdull Sukor *et al.*, 2016; Matthew *et al.*, 1994). Selain itu, dapatan data daripada temu bual dan pemerhatian akan membolehkan pengkaji membuat satu huraian dan gambaran yang mendalam tentang aktiviti-aktiviti pemupukan kemahiran berfikir yang digunakan dalam aktiviti pengajaran di prasekolah PKMP.

Temu bual secara individu telah dijalankan terhadap partisipan kajian sebelum pemerhatian dilakukan. Temu bual yang dilaksanakan adalah pertemuan pengkaji dan partisipan secara langsung yang melibatkan pungutan data melalui lisan. Sebelum temu bual berlangsung, soalan temu bual semi-struktur telah disediakan terlebih dahulu. Kandungan soalan temu bual semi-struktur adalah berfokus kepada dapatan maklumat berkaitan pengetahuan partisipan tentang aktiviti pengajaran yang melibatkan pemupukan kemahiran berfikir.

Kaedah pemerhatian pula dilaksanakan selepas temu bual dijalankan. Pemerhatian dibuat terhadap keadaan sebenar amalan pengajaran partisipan di dalam bilik darjah. Pemerhatian yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah pemerhatian tidak turut ketika partisipan kajian sedang mengajar. Peranan pengkaji adalah sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku, mendengar serta melihat tingkah laku partisipan sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pada masa yang sama, pengkaji juga membuat pemerhatian terhadap tingkah laku, perbualan dan interaksi murid prasekolah PKMP. Borang senarai semak digunakan semasa pemerhatian berlangsung untuk memudahkan pengkaji melihat atau mengesan sama ada terdapat atau tidak aktiviti pemupukan kemahiran berfikir sepanjang tempoh aktiviti pengajaran berlangsung.

Melalui temu bual dan pemerhatian yang telah dilaksanakan, pengkaji akan meneliti setiap jawapan dan mengkod maklumat-maklumat penting untuk dianalisis. Daripada analisis yang telah dibuat, pengkaji akan menyediakan laporan dan membuat rumusan dapatan serta kesimpulan untuk kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Bagi menjelaskan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, semua data yang diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian dianalisis berdasarkan persoalan kajian yang telah dibina dalam kajian ini. Setiap partisipan yang terlibat dalam kajian ini diberi pengekodan berikut iaitu P1 merujuk kepada partisipan 1, P2 merujuk kepada partisipan 2, P3 merujuk kepada partisipan 3 dan P4 merujuk kepada partisipan 4.



Pelaksanaan Aktiviti untuk Memupuk Kemahiran Berfikir Murid Prasekolah PKMP

Pernyataan 1: Aktiviti pengajaran yang telah dilaksanakan di dalam kelas.

Temu bual dijalankan terhadap partisipan-partisipan kajian untuk mengetahui apakah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam pengajaran untuk murid prasekolah PKMP. Jawapan semua partisipan adalah hampir sama iaitu aktiviti bermain.

Jawapan P1:saya **buat main** bebudak seronok...

Jawapan P2: ...lepas tu saya **suruh jalan-jalan main cari warne** yang same dalam kelas...

Jawapan P3: **cikgu akan sediakan mainan** yang sesuai dengan pelajaran.

Jawapan P4: ...untuk murid khas ni kalau nak biasekan die orang berfikir, cikgu mesti buat dulu, **cikgu mesti beri mainan dulu**... baru die orang nak buat ape yang cikgu suruh buat.



Selain daripada jawapan temu bual, pemerhatian yang dibuat terhadap dua orang partisipan semasa mereka mengajar mengukuhkan lagi hasil temu bual yang diperoleh. Kedua-dua partisipan menyediakan pelbagai alat mainan sepanjang pengajaran mereka. Alat permainan yang digunakan semasa pengajaran seperti blok, anak patung, tanah liat dan pundi kacang pelbagai warna. Melalui alat permainan yang disediakan oleh partisipan, murid-murid bermain seperti membuat bentuk segi empat dengan blok, membuat bentuk bulat dengan tanah liat, menyusun pundi kacang ikut warna dan memakaikan pakaian pada anak patung. Aktiviti bermain yang dilakukan oleh murid telah ditetapkan oleh partisipan, oleh itu murid tidak berpeluang untuk bermain dengan cara dan keinginan mereka sendiri.

Pernyataan 2: Aktiviti-aktiviti kemahiran berfikir yang dilaksanakan semasa pengajaran di dalam kelas.

Hasil daripada temu bual partisipan-partisipan kajian untuk mengetahui apakah aktiviti-aktiviti kemahiran berfikir yang dilaksanakan dalam pengajaran untuk murid prasekolah PKMP, maklum balas mereka adalah sama iaitu latih tubi. Aktiviti tersebut dilaksanakan dalam aktiviti terapi seperti terapi muzik dan terapi seni.

Jawapan P1:saya buat main bebudak seronok... lepas tu **saye suruh ulang..banyak kali**....tu yang **die orang boleh slow-slow fikir** and sebut. ...tu pade saye untuk kemahiran berfikir.

Jawapan P2: Saya ajar dulu..**sebut banyak kali satu-satu** ...kalau tak murid saya tak boleh ikut.... Kalau nama warna, saya sebut-sebut lepas tu **murid sebut banyak kali**...lepas tu saya suruh jalan-jalan main cari warne yang same dalam kelas. Itu cara untuk saya wat aktiviti berfikir murid saya.





Jawapan P3: *cikgu akan sediakan mainan yang sesuai dengan pelajaran. Contohnya muzik kompang...cikgu pukul dulu kompang so itu demo pada murid...lepas tu murid pulak pukul kompang..cikgu bimbing banyak kali. Dari situ **murid belajar ingat pukul kompang macam mane**sambil tu cikgu juge ajar kire berape kali pukul...so tu buat murid fikir sambil pukul sambil kire. **Murid buat tu..die orang dah dapat berfikir.***

Jawapan P4: *...untuk murid khas ni kalau nak biasekan die orang berfikir, cikgu mesti buat dulu, cikgu mesti beri mainan dulu... baru die orang nak buat ape yang cikgu suruh buat. **Kalau cikgu suruh ingat semule name bentuk, cikgu bagi main blok, cikgu buat bentuk dengan blok tu...nanti die orang ikut tpi kene buat selalu** ..lepas tu boleh le cikgu minta sebut nama bentuk. Ni kemahiran berfikir die orang.*

Berdasarkan temu bual, partisipan menyatakan tidak mempunyai kefahaman tentang kemahiran berfikir sama ada dari segi konsep dan kaedah untuk mengaplikasi kepada murid-murid mereka. Oleh itu partisipan hanya mengulangi aktiviti yang sama setiap hari untuk memupuk kemahiran berfikir.

Daripada pemerhatian yang dibuat, didapati partisipan memberi bimbingan secara berterusan kepada murid-murid untuk mereka cuba berfikir. Walau bagaimanapun partisipan merangsang dan membimbing murid untuk berfikir pada aras rendah berdasarkan Taksonomi Bloom iaitu mengingat dan memahami. Partisipan tidak mencuba merangsang murid untuk berkongsi pengetahuan sedia ada atau pendapat mereka bagi meningkatkan aras kemahiran berfikir. Kebanyakan aktiviti kemahiran berfikir berjalan secara sehalu iaitu hanya guru sahaja yang memberikan maklumat.



Aktiviti-aktiviti yang Boleh Memupuk Kemahiran Berfikir Murid Prasekolah PKMP

Pernyataan 1: Aktiviti yang boleh memupuk kemahiran berfikir untuk murid prasekolah PKMP

Semua partisipan berpendapat latih tubi adalah paling sesuai kerana melalui latih tubi murid-murid akan membina keyakinan diri untuk bercakap dan menyebut semula apa yang diingati. Pada pandangan partisipan, apabila murid prasekolah PKMP dapat mengingat apa yang telah dipelajari, itu membuktikan bahawa mereka telah ada kemahiran berfikir.

Jawapan P1: *..**untuk murid saye berfikir mesti lah latih tubi**....itu maknenye murid dah boleh*

*fikir dan terus ingat untuk sebut. Murid khas ni sebenarnya susah nk ingat...**mereke diam lame tu mereke fikir lepas tu sebut...tu dah terbaik untuk mereke dapat fikir.***

Jawapan P2: *...**saye rase latih tubi yang paling berkesan**...memang lah banyak lagi aktiviti untuk berfikir macam projek, ujikaji...tapi murid saye belum boleh wat ujikaji. **Kalau ulang banyak kali sebut dan tunjuk, murid saye ingat,...tu kemahiran berfikir lah kan**...sebab ingat semule lepas tu boleh tunjuk dengan betul ...*





Jawapan P3: ***Pada pendapat saya kemahiran berfikir untuk murid pra ni, aktiviti yang sesuai ialah latih tubi. Kerane latih tubi dah membolehkan murid tu ingat dan sebut semule ape yang mereke ingat...Ni dah capai kemahiran taksonomi Bloom.***

Jawapan P4: ***Kemahiran berfikir banyak peringkat...pada pendapat saya untuk murid umur bawah 6 tahun ni dan pendidikan khas pula, memadai dengan mereke dapat ingat dan sebut semule...so untuk itu, untuk mereke ingat dan dapat sebut semule..latih tubi...tapi tidak lah patut ulang banyak kali kerane murid ni istimewa mudah hilang fokus.***

Pemerhatian yang dibuat juga mendapati partisipan kajian hanya melaksanakan latih tubi sepanjang aktiviti pengajaran mereka. Oleh kerana partisipan tidak menggunakan aktiviti lain maka partisipan tidak dapat mengetahui kesesuaian aktiviti lain untuk memupuk kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah PKMP.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji mengumpulkan maklumat tentang amalan aktiviti pengajaran sedia ada guru untuk memupuk kemahiran berfikir murid prasekolah PKMP. Respons partisipan positif dalam mengamalkan pemupukan kemahiran berfikir kepada murid prasekolah PKMP. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan partisipan hanya merangsang murid untuk berfikir pada aras rendah. Fazlulaini *et al.* (2017), dan Zamri dan Nor Azah (2011) juga merumuskan dapatan kajian bahawa guru kerap menggunakan teknik penyoalan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah tetapi soalan yang dikemukakan oleh guru hanya berkisar pada aras kognitif rendah atau sederhana sahaja.

Kajian ini juga mendapati partisipan tidak melaksanakan sesi perbincangan yang melibatkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Maklum balas daripada partisipan berhubung dengan isu ini adalah mereka tidak mempunyai panduan untuk melaksanakan aktiviti perbincangan dengan murid yang bermasalah pembelajaran.

Oleh itu, bagi membantu guru memupuk kemahiran berfikir terhadap murid prasekolah PKMP, bahan dalam bentuk modul perlu dibangunkan. Semua partisipan bersetuju bahawa modul kemahiran berfikir untuk murid prasekolah PKMP perlu diterbitkan untuk panduan guru dan aktiviti pembelajaran murid. Bagi partisipan kajian ini pembangunan modul yang bersesuaian akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru untuk merancang dan melakukan aktiviti pengajaran yang dapat memupuk kemahiran berfikir bersesuaian dengan keperluan murid prasekolah PKMP.

Guru-guru juga berpendapat pemilihan topik, penyediaan aktiviti rangsangan dan jenis-jenis soalan perlu disesuaikan dengan tahap dan perkembangan murid serta mempunyai kaitan dengan kehidupan seharian mereka. Kandungan yang dicadangkan adalah topik-topik berkaitan urus diri kerana guru berpendapat ini penting untuk membimbing murid-murid bagi kelangsungan hidup mereka pada masa hadapan.

Penyelidik mencadangkan agar pembinaan bahan sumber seperti modul diberi keutamaan untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan guru menerapkan kemahiran



berfikir dalam kalangan murid prasekolah PKMP. Melalui modul yang dibina guru bukan sahaja akan dapat menyampaikan ilmu tetapi juga mampu membuat penyesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran serta melaksanakan pentaksiran sejajar dengan kebolehan murid yang melibatkan kemahiran berfikir (Faizah & Eftah, 2015).

KESIMPULAN

Kemahiran berfikir yang diperkenalkan oleh KPM menekankan pembentukan generasi muda yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif serta berupaya berkomunikasi secara efektif. Guru adalah tonggak dan pelaksana kepada dasar ini, oleh itu pendedahan kemahiran berfikir perlulah terlebih dahulu dikuasai oleh guru disamping juga lebih memahami aktiviti pengajaran yang sesuai untuk penerapan kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah PKMP.

Aktiviti pengajaran yang sesuai penting untuk penerapan kemahiran berfikir kepada murid prasekolah PKMP kerana golongan ini mempunyai pelbagai ketidakupayaan. Guru perlu diberi peluang meningkatkan keilmuan serta diberikan bahan sokongan untuk melaksanakan aktiviti ini. Melalui pengetahuan, kemahiran dan sokongan bahan modul, kepelbagaian aktiviti pengajaran seperti penggunaan ICT dan peta pemikiran mudah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru pendidikan khas diyakini boleh menarik minat murid untuk kesediaan berfikir dan cuba menjawab soalan (Nielsen, 2004; Curry & Hatlen, 2007).

Safiek (2019) dan Rohaizat *et al.* (2020) juga berpendapat melalui amalan pengajaran guru yang berkualiti dan sentiasa menggunakan pelbagai strategi seperti penyediaan rancangan pengajaran yang baik, penggunaan set induksi serta penggunaan alat bantu mengajar, kreativiti pemikiran murid prasekolah akan dapat dipupuk disamping juga memastikan mereka memperoleh pembelajaran. Oleh itu, adalah disarankan murid prasekolah PKMP diberi lebih banyak aktiviti pembelajaran dan peluang untuk melakukan sesuatu yang disukai serta sesuai dengan keperluan ketidakupayaan mereka, untuk menggalakkan mereka berfikir secara kreatif.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dilaksanakan melalui perolehan geran penyelidikan Skim Geran Galakan Penyelidikan Universiti (GGPU) No. 2017-0108-106-01 yang dibiayai sepenuhnya oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris.

RUJUKAN

- Agung Budi Setyawan. (2010). *Aspek neurologis Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*. Bagian Psikiatri, Dosen Fakultas kedokteran Universitas Wijaya kusuma Surabaya. <http://elib.fk.uwks.ac.id>
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2015). Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1).
- Bahagian Pendidikan Khas. (2016). *Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Brassard, M. R. & Boehm, A. E. (2008). *Preschool assessment: Principles and practices*. The Guilford Press.
- Cavioni, V., Grazzani, I. & Ornaghi, V. (2017). Discussion paper social and emotional learning for children with learning disability: Implications for inclusion. *International Journal of Emotional Education*, 9(Special Issue), 100-109.
- Chew Fong Peng & Shashipriya Nadaraja. (2016). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran komsas di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 10-24.
- Cochran, D. C., Gallagher, P. A., Stayton, V. D., Dinnebeil, L. A., Lifter, K., Chandler, L. K. & Christensen, K. A. (2014). *Early childhood special education and early intervention personnel preparation standards of the division for early childhood: Field Validation*.
- Craft, A. (2005). *Creativity in schools: Tensions and dilemmas*. Routledge. doi:10.4324/9780203357965
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson Education.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*. Sage Publications.
- Curry S. A. & Hatlen P. H. (2007). Expanded core curriculum advocacy: Meeting the unique educational needs of visually impairment pupils through appropriate placement. *Journal of Visual Impairment & Blindness*. <http://www.eccadvocacy.org>
- Faizah Saad & Eftah Mohd@Abdullah. (2015). Kajian status kefahaman guru dalam pentaksiran murid program LINUS. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 4, 17 - 28.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/794>
- Fazlulaini Mohd Yunus, Kamarul Azmi Jasmi, Md Zuki Hashim, & Ruhayati Ramly. (2017). Kelemahan amalan menerapkan kemahiran berfikir semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan calon cemerlang praktikum Pendidikan Islam di Kampus Sultan Abdul Halim. *International Journal of Research and Reviews in Education*, 1(1), 1 -13.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Huraian sukatan pelajaran pendidikan khas bermasalah pembelajaran sekolah rendah dan menengah bidang pengurusan kehidupan*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). *Akta Pendidikan 1996: Peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas)*. Warta Kerajaan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Huraian sukatan pelajaran pendidikan khas bermasalah pembelajaran peringkat sekolah rendah dan menengah*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Pendidikan Khas: Pendidikan Prasekolah Masalah Pembelajaran*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kurdek, L. A., & Sinclair, R. J. (2001). *Development: Its nature and course*. McGraw-Hill Companies.
- Liamputtong, P., Shamsuddin Ahmad, & Haliza Mohd Riji. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif (Edisi Ketiga)*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Lipman, M. (1991). *Thinking in education*. Cambridge University Press.
- Manisah Mohd. Ali & Norizza Sahal. (2016). Intervensi meningkatkan tumpuan dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 1-6.
- Matthew, B., Miles, A., Huberman, M., & Saldana, J. (1994). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook*. Sage.
- Nielson, G. L. (2004). *Active learning and blind, multiply disabled child. Future reflections*.
<http://nfb.org/images/nfb/publications/fr/fr14/fr04se08.htm>
- Noor Aini & Nur Liyana. (2015). Belajar kemahiran mengenal huruf menggunakan aktiviti membentuk doh. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), 71-80.
- Noor Aini Ahmad & Norhafizah Abu Hanifah. (2015). Tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 30, 73-88.
- Norlidah Alias. (2010). *Pembangunan modul pedagogi berasaskan teknologi dan gaya pembelajaran Felder-Silverman kurikulum fizik sekolah menengah*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Norsita Ali & Zainal Madon. (2014). *Tinjauan awal interaksi guru kanak-kanak dalam pemupukan pemikiran kreatif kanak-kanak prasekolah*. Prosiding Penyelidikan Sains Sosial ICSSR, Kota Kinabalu, Sabah, 735-746.
- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Penerbit UPSI.
- Rohaizat Ibrahim, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Roziah Ibrahim & Noraini Abdullah. (2020). Indikator sokongan pembelajaran dalam reka bentuk flipped classroom bagi murid bermasalah pembelajaran berdasarkan kesepakatan pakar. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(2), 23-33.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/4115>.



- Safiek Mokhlis. (2019). *Pemupukan kreativiti kanak-kanak: Kajian kes amalan pengajaran kreativiti di sebuah tadika Islam*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Schreiber, N. M. (2015). *Social and emotional learning teaching practices in kindergarten to third grade*. Humboldt State University.
- Suppiah Nachiappan, Irna Patricia Julia, Norazilawati Abdullah, Sangkari Chandra Sehgar, Sandra Suffian & Noor Athirah Sukri. (2019). *Pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran di tadika*. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 8, 24-32.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/3154>
- Wan Mat Sulaiman & Norkhairiah Hashim. (2011). Aplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran pengetahuan agama Islam. *Journal of Applied Research in Education*, 15(1&2), 43-58.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 51-65.

